

14/03/1998

Anwar umum angka unjuran di Parlimen

KERAJAAN dijangka membentangkan kajian semula unjuran pertumbuhan ekonomi negara bagi mencerminkan perkembangan semasa pada sesi persidangan Parlimen yang bermula 23 Mac ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim mungkin mengemukakan hasil kajian itu pada sidang Dewan Rakyat mengenai beberapa penyesuaian angka unjuran pertumbuhan ekonomi serta pengurangan perbelanjaan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, berkata kajian semula itu tidak membabitkan sebarang perubahan kepada Belanjawan 1998 kerana ia tidak membabitkan tambahan perbelanjaan, sebaliknya lebih bertumpu kepada langkah penjimatan.

"Saya ingin menegaskan apa yang dilakukan oleh kerajaan untuk menstabilkan keadaan ekonomi termasuk perubahan dari segi unjuran adalah untuk kebaikan negara," katanya selepas menghadiri taklimat Ekspo Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan (Emtek 98) di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil, semalam.

Selasa lalu, Anwar berkata kerajaan bersedia membuat perubahan unjuran berdasarkan hasil kajian semula yang akan dijalankan.

Pada pembentangan Belanjawan 1998 tahun lalu, kerajaan membuat unjuran pertumbuhan ekonomi negara pada tahap 7.0 peratus sebelum menurunkannya pada tahap antara 4.0 dan 5.0 peratus Disember lalu, berikutan kejatuhan nilai ringgit sejak Julai.

Mengenai projek Emtek 98 yang dianjurkan oleh Yayasan Pasir Mas, Affifuddin berkata ia langkah penting untuk merapatkan jurang celik teknologi maklumat (IT) yang begitu luas di antara masyarakat bandar dan luar bandar.

Katanya, buta IT boleh menyebabkan generasi muda luar bandar ketinggalan jauh apabila melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

Ekspo itu akan diadakan dari 29 Mei hingga 3 Jun di Chabang Empat, Pasir Mas/Tumpat, Kelantan dijangka disertai kira-kira 70 syarikat yang terbabit dalam pelbagai peringkat kegiatan IT.

Setakat ini 30 syarikat memberikan komitmen untuk menyertainya.

Pada majlis itu semalam, Telekom Malaysia Bhd turut menyumbangkan cek tajaan berjumlah RM150,000 kepada Pengerusi Yayasan Pasir Emas, Datuk Ibrahim Ali.

Emtek 98 dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dijangka mendapat sambutan menggalakkan kerana ia diadakan sempena sambutan Tahun Melawat Kelantan 1998.

(END)